




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/3/2013



AGENSİ penguatkuasa Maritim Malaysia melakukan rondaan serta mengetatkan kawalan di kawasan perairan berikutan kejadian serang hendap kumpulan penceroboh di Semporna, semalam.

Operasi susulan diteruskan - KPN

UM - 6/3/2013

LAHAD DATU 5 Mac - Polis masih menjalankan operasi susulan dan pengeledahan di Kampung Tanduo, Lahad Datu kerana percaya masih ada musuh di kawasan seluas empat kilometer persegi itu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar berkata tindakan susulan selepas serangan ofensif terhadap kumpulan pengganas itu dijalankan secara berhati-hati bagi memastikan keselamatan anggota polis dan tentera.

"Saya tidak mahu melihat anggota pasukan keselamatan menjadi mangsa," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Pasukan keselamatan terdiri daripada polis dan tentera melakukan serangan ofensif terhadap pengganas dari Sulu di Kampung Tanduo pada pukul 7 pagi.

Dalam pada itu, Ismail menafikan laporan media Filipina yang mendakwa kumpulan daripada ke-

luarga Kiram menemui mayat anggota pasukan keselamatan Malaysia dan dakwaan keluarga itu bahawa mayat penceroboh diperlakukan tanpa perikemanusiaan.

"Kenyataan itu tidak tepat sama sekali. Saya dukacita dengan laporan itu, sepatutnya mereka merujuk kepada pihak rasmi," katanya.

Beliau berkata laporan seumpama itu adalah satu dakyah yang boleh menggugat ketenteraman

awam di Sabah.

Ismail dalam pada itu turut mengesahkan polis belum menemukan mayat perancang utama kumpulan pencerobohan itu, Raja Muda Azzumudie Kiram dalam serangan pasukan keselamatan negara hari ini.

Mengulas lanjut, kata beliau, bentuk muka bumi yang tidak rata menyebabkan operasi mengesan mayat dilakukan secara perlahan, selain mahu memastikan keselama-

tan anggota diutamakan.

Beliau yakin bahawa pihak musuh masih berada dalam kawasan tersebut, sekali gus menyebabkan operasi mengesan mayat dilakukan secara berhati-hati.

Tambahnya, keluasan bagi operasi mengesan mayat adalah seluas empat kilometer persegi dan pihaknya masih belum mendapat maklum balas berhubung angka sebenar kematian pihak musuh.